

'Hubungan Raja Kerajaan biasa'

BM 18 DEC 1983

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sidang khas Parlimen ditetapkan pada 9 dan 10 Januari depan, membincangkan tiga pindaan kepada Perlembagaan negara.

Dewan Rakyat akan bersidang pada 9 Januari diikuti oleh Dewan Negara, keesokannya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) berkata MT sebulat suara menyokong penyelesaian pindaan itu dan bersejajar tarikh sidang khas Parlimen itu.

Beliau juga berkata, Dewan Tertinggi Barisan Nasional akan mengadakan mesyuaratnya pada 8 Januari depan. Ini diikuti mesyuarat dengan Menteri-Menteri Besar bagi membincangkan isu yang sama.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata sidang khas Parlimen itu diadakan untuk memenuhi jaminan yang diberi oleh kerajaan sebelum Timbalan Yang di-Pertuan Agong menandatangani Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan yang menimbulkan masalah itu.

Pindaan itu membabitkan Fasal 66, berhubung dengan tempoh perkenan Diraja di mana Yang di-Pertuan Agong perlu memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Negara dalam tempoh lima belas hari, jika tidak ia dikira telah disahkan.

Di bawah pindaan semula yang dijanjikan itu, tempohnya dilanjutkan kepada 30 hari. Tiap-tiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan dipersempahkan kepada Yang di-Pertuan Agong ter-

Oleh
JAMALUDDIN ABU BAKAR

lebih dulu membolehkan baginda membuat teguran.

Jika terdapat teguran, rang undang-undang itu akan dibawa ke Parlimen sekali lagi.

Bagaimanapun, ia akan sah menjadi undang-undang dalam tempoh 30 hari sama ada diubahsuai atau sebaliknya, dengan diperkenankan atau tidak.

Mengenai Fasal 150, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita setuju gugurkan kerana mengikut nasihat undang-undang, sebenarnya dalam konteks ini Yang di-Pertuan Agong tertakluk kepada Fasal 40(1) iaitu bertindak atas nasihat Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri".

Menurut Presiden Umno, pindaan semula itu adalah sejajar dengan surat beliau kepada Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa usaha-usaha menyelesaikan isu itu dijalankan.

Menjawab soalan beliau berkata: "Saya pernah menyatakan Parlimen masih lagi *supreme* dan tidak boleh dirundingkan tetapi di sini jika Dewan Rakyat memutuskan bahawa keputusan awalnya betul maka dalam tempoh tertentu kita masih bertolak ansur tetapi rang undang-undang tetap diluluskan."

Jika Yang di-Pertuan Agong memberi pandangannya atau tentangannya maka rang undang-undang itu akan dihantar semula ke Parlimen dan Parlimen terpaksa membuat keputusan.

Perdana Menteri menegaskan, hubungan Kerajaan dan Raja-Raja adalah seperti biasa dan tidak mempunyai sebarang masalah.